

Syor PM bagi menampung
keperluan orang ramai

DOKTOR ASING DI KLINIK SWASTA

U.M. 8 JUN 1971

(e)

SUBANG JAYA 7 Jun — Dato' Sri Dr. **S Mahathir Mohamad** hari ini mengesyorkan supaya doktor-doktor daripada negara asing dibenarkan berkhidmat di klinik-klinik swasta bagi menampung keperluan doktor di negara ini.

Beliau menegaskan, dasar yang menghalang amalan tersebut hendaklah dikaji semula kerana bayaran tinggi yang dikenakan oleh klinik swasta telah menyebabkan ramai pesakit yang tidak mampu membanjiri hospital kerajaan.

Menurutnya, masalah ini menjadi rumit apabila hospital-hospital kerajaan pula menghadapi masalah kekurangan doktor kerana ramai berhenti untuk berkhidmat di sektor swasta yang memberi pendapatan yang lebih lumayan.

Perdana Menteri menegaskan demikian semasa bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan Kongres Obstetrik dan Ginekologi Kedua di Holiday Villa, di sini. **(Gambar di muka 2).**

Menurut beliau, imbalan antara pendapatan doktor dalam kerajaan dan swasta adalah perlu bagi menentukan rakyat mendapat khidmat yang setimpal.

Naikkan gaji

"Kita sudah cuba menambahkan doktor di hospital kerajaan dan cuba menaikkan gaji mereka tetapi kenaikan gaji doktor tanpa melibatkan kakitangan lain sudah tentu menimbulkan masalah.

"Ini menyebabkan kita tidak dapat bersaing dengan pendapatan para doktor di klinik swasta," tambahnya.

Oleh itu, jelasnya, dengan kehadiran doktor asing, bilangan doktor di sektor swasta akan bertambah dan ini secara tidak langsung mungkin dapat mengurangkan tarikan doktor untuk meninggalkan hospital kerajaan bagi berkhidmat di klinik swasta.

Bagaimanapun, katanya, syarat-syarat tertentu perlulah dikenakan kepada doktor-doktor asing supaya kepentingan doktor-doktor tempatan dan pesakit dilindungi.

Pada masa ini, doktor-doktor asing hanya dibenarkan berkhidmat di hospital kerajaan dan bilangannya tidak melebihi 50 orang.

Menurutnya, ramai doktor asing daripada negara-negara Asia dan Eropah boleh berkhidmat di klinik-klinik atau hospital swasta di negara ini.

Sebelum itu dalam ucapan perasmianya, Perdana Menteri menegaskan, kerajaan telah memberi beberapa kemudahan istimewa kepada pakar-pakar kerajaan tetapi oleh kerana sektor swasta le-

LIHAT MUKA 2

DOKTOR ASING DI KLINIK SWASTA

U.M. 8 JUN 1991

bih mena... masalah pengurusan keluar pakar-pakar dalam perkhidmatan kerajaan masih dihadapi.

Beliau mengingatkan bahawa usaha menjadikan Malaysia negara maju sudah tentu menghadapi banyak cabaran seperti corak dan aliran penyakit, gaya hidup, harapan dan keperluan masyarakat serta kos perkhidmatan.

"Untuk membolehkan negara mencapai wawasan 2020, kesihatan unit keluarga perlu diperkukuhkan daripada semua aspek.

"Sungguhpun kadar kematian penduduk di negara-negara maju rendah, tetapi kadar penyakit mereka sangat tinggi malah terdapat pelbagai penyakit serta keadaan yang mengganggu kehidupan seharian dan pekerjaan mereka," katanya.

Mengenai kadar kematian ibu bersalin dan bayi, jelasnya, Malaysia bernasib baik kerana kedua-dua kadar kes itu telah menurun dengan memuaskan.

Pada tahun 1957, tiga orang ibu meninggal dunia daripada setiap 1,000 orang yang melahirkan bayi hidup, manakala pada tahun 1989, bilangannya merosot kepada tiga orang daripada 10,000 ibu yang melahirkan anak.

Bagi kadar kematian bayi pula, 75 bayi meninggal dunia daripada setiap 1,000 bayi yang dilahirkan pada tahun 1957, berbanding dengan hanya 13 bayi meninggal daripada setiap 1,000 bayi dengan hanya 13 bayi meninggal daripada setiap 1,000 bayi yang dilahirkan pada tahun 1989.

Menyentuh tentang penjagaan kesihatan wanita, beliau menambah, bidang obstetrik dan ginekologi perlu diperkembangkan di samping mengeluarkan lebih ramai pakar dalam bidang itu.

"Kita perlu menyedari bahawa pembinaan hospital-hospital besar yang dilengkapi dengan alat-alat berteknologi moden dan mahal bukanlah jawapan untuk memperbaiki taraf kesihatan wanita dan mengurangkan kematian," ujarnya.

Sebaliknya, kata beliau, apa yang diperlukan adalah sistem jagaan kesihatan asas yang kukuh dan berkualiti bagi ibu dan bayi, pendidikan kesihatan, perkhidmatan yang bersesuaian di hospital bagi merawat wanita dan bayi yang memerlukan jagaan khas.

Menurutnya, apa yang lebih penting adalah memastikan sistem rawatan dan jagaan kesihatan disediakan secara yang boleh diterima oleh masyarakat tempatan.

Beliau berkata, masih banyak lagi yang perlu diberi perhatian dalam bidang perubatan itu termasuk bagaimana hendak menggalakkan ibu-ibu luar bandar khususnya yang berisiko tinggi menerima rawatan moden sedangkan mereka sebelum ini lebih selesa dengan rawatan tradisional.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Abdullah Abdul Rahman memberitahu, cadangan Perdana Menteri untuk memberi kelonggaran kepada doktor-doktor asing berkhidmat di sektor swasta akan dibincangkan dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMA).

Menurutnya, peraturan tidak membenarkan doktor asing berbuat demikian tidaklah tercatat dalam sebarang Akta Kesihatan tetapi cuma merupakan satu amalan biasa.

Menurut amalan itu, katanya seseorang doktor asing yang mahu berkhidmat di negara ini perlulah mendapat kebenaran dan berdaftar dengan MMA terlebih dulu.